

Alhamdulillah, dengan jasa-jasa sahabat dan para Kraya yang tidak terhingga, dapatlah kajian ini di sempurnakan. Oleh penulis, kajian ini sudah tentu tidak dapat di sempurnakan tanpa bantuan dan sokongan dari pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung.

Setinggi penghargaan ingin penulis rakamkan kepada al-Ustaz Alias B.Othman yang telah memberikan tunjuk ajar serta bimbingan kepada penulis hingga penulis dapat menyempurnakan penulisan dan kajian ini.

Setiap perkara yang hendak dilaksanakan di dunia ini sudah tentulah tidak lari daripada masalah kewangan. Begitu juga dengan usaha-usaha yang di jalankan oleh penulis dalam kajian ini. Oleh kerana itu penulis mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada YB.Dato' Rais Yatim di atas sumbangan beliau mengongkosi perbelanjaan penulis untuk membukukan kertas projek ini sebagaimana yang akan tertera.

Terima kasih juga disampaikan kepada mereka yang telah banyak memberikan bantuan dan sumbangan, ide kepada penulis dan juga data-data yang diperlukan untuk mengemaskini-kan lagi kajian ini, dan juga kepada WAN yang telah meminjamkan 'Type Writer' kepada penulis.

Akhirnya buat ibu, ayah serta isteri tersayang dan juga kepada anak pertama yang baru lahir, yang telah memberikan dorongan buat penulis. Pengorbanan isteriku (Zakiah) yang memahami tugas serta perjuanganku akan kukenang buat SELAMA-LAMANYA. Kesyukuran kupanjatkan kehadiran Ilahi di atas penganugerahannya seorang cahayamata buatku yang bernama Ahmad Shafteq. Amin...

WASSALAM.

SHAMSUDDIN BIN MONER.

Tahun Keempat,  
Fakulti Svariah,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

JANUARI 1990